

03/11/2003

Warkah terbuka untuk PM baru

Dr Azam Rauzan
Assalamualaikum

Pak Lah yang dihormati,

Terlebih dulu saya ingin mengucapkan tahniah dan `Selamat Bertugas' kepada Pak Lah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima. Maafkan saya kerana tidak mengikut gelaran protokol dalam warkah ini. Rasa rendah diri

dan rasa hormat yang mendalam, membuatkan saya lebih selesa menggunakan panggilan Pak Lah.

Sesungguhnya kerahmatan Jumaat di dalam kemuliaan Ramadan ini, insya-Allah memberi petanda baik untuk Pak Lah mula mengendong amanah rakyat di

jawatan nombor satu negara.

Menjadi harapan segenap lapisan rakyat Malaysia, terutama orang Melayu supaya Pak Lah dapat memacu negara tercinta ke arah kecemerlangan dan kegemilangannya. Seluruh rakyat mendoakan Pak Lah memperoleh taufik dan hidayah serta kesihatan yang sebaik-baiknya untuk mentadbir negara.

Selaku anak Melayu pasca merdeka, izinkan saya menggunakan peluang ini untuk menyampaikan isi hati kepada Pak Lah secara terbuka. Saya harap tidak keterlaluan bagi seorang rakyat biasa berbuat demikian kepada seorang Perdana Menteri. Niat saya hanyalah untuk berkongsi pandangan jika

ia boleh dimanfaatkan untuk kesejahteraan ummah dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Pak Lah yang dihormati,

Dunia ini bulat dan berpusing. Disebabkan setiap masa ia bergerak, tidak

hairanlah manusia di dalamnya juga tidak dapat lari daripada putaran kehidupan. Hidup ini bagaikan putaran roda.

Namun jika kita sentiasa bersyukur dalam kedudukan apa pun diri kita, insya-Allah pasti akan selamat. Sebab orang yang bersyukur dalam kesenangan, hidupnya akan diberkati dan orang yang bersyukur ketika dalam

kesusahan serta kepayahan, jiwanya tetap akan tenang.

Percayalah, apabila seseorang itu tidak menganggap bahawa kesusahan sebagai satu musibah, sebaliknya menganggap ia sebagai satu cabaran yang mesti diharungi, laluan untuknya mencapai kejayaan akan terbentang luas.

Begitulah yang ingin saya luahkan sebagai satu catatan ringkas untuk menterjemahkan pengorbanan serta penghayatan turun naiknya Pak Lah dalam politik sehinggalah dinobatkan sebagai Perdana Menteri.

Bagi saya, laluan berliku Pak Lah itu mempunyai mesej tersendiri bahawa

pada akhirnya, dalam segenap perjuangan itu tidak kira perjuangan politik

atau berbentuk peribadi, qada dan qadar jugalah yang akan menentukan segala-galanya.

Pak Lah yang dihormati,

Sudah lama Pak Lah diberi gelaran sebagai Mr Nice Guy, Mr Cool dan Mr Clean. Pak Lah cukup sederhana dan murah dengan senyuman, seorang yang

tegas dalam kelembutan, keras tetapi berdiplomasi, seorang yang birokratik serta pemimpin yang warak dan berbudi pekerti tinggi.

Ini semua bukan sengaja saya nukilkan tetapi adalah suara segenap lapisan rakyat. Sejak kebelakangan ini, lebih tepat dalam tempoh peralihan kuasa setahun lalu, itulah yang disebut dan disebar melalui media.

Saya amat menyetujuinya dan bukanlah ia sesuatu yang dibuat-buat atau direka-reka untuk Pak Lah. Maka, tinggilah harapan saya supaya Pak Lah tidak berubah 'body-language' serta penampilan setelah bergelar Perdana Menteri. Sesungguhnya rakyat Malaysia menyanjungi perwatakan semula jadi yang ada pada Pak Lah.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa beban dan tanggungjawab seorang Perdana Menteri amatlah berat. Betapa berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikulnya. Tetapi secara peribadi saya yakin Pak Lah mampu melakukannya baik untuk mentadbir sebuah negara seperti Malaysia ini yang pelbagai bangsa penghuninya mahupun mentadbir Umno, sebuah parti Melayu yang tertua di dunia.

Sebagai seorang bekas kakitangan kerajaan, sebagai pemimpin politik yang pernah menerajui enam kementerian, sebagai politikus yang sudah masak dengan jatuh bangun serta kerenah dan perangai ahli Umno, saya penuh yakin

Pak Lah telah mempunyai bekalan cukup untuk menerajui negara.

Pak Lah yang dihormati,

Seluruh rakyat berasa bertuah sepanjang 22 tahun lalu dengan kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad. Beliau telah berjaya membawa Malaysia ke mercu kejayaan seperti yang kita ada sekarang ini.

Wawasannya melampaui daya fikir, sumbangannya berjela-jela untuk direkodkan. Ia merangkumi imej dan martabat negara, ekonomi, pembangunan fizikal dan pelbagai lagi.

Ini bermakna landasan telah beliau sediakan untuk membawa Malaysia ke arah sebuah negara maju pada 2020. Pengisiannya kini terletak di bahu Pak

Lah, satu penerusan tanggungjawab yang kini menjadi harapan kepada rakyat

dan cabaran kepada Pak Lah.

Harapannya, kalau kita maju, biarlah kita maju bersama-sama dari segi mindanya, budayanya, kemanusiaannya, jiwanya, akal budinya, supaya kita dapat membentuk satu peradaban manusia atau tamadun yang lebih sempurna.

Pada Pak Lah, saya sandarkan harapan untuk membangunkan kembali generasi

Islam yang gemilang melalui pembangunan insan yang lebih sempurna.

Membangunkan generasi berwibawa, berhemah, berbudi pekerti, punya harga diri, beretika, bermoral dan berbudaya, dalam suasana tekanan dan cabaran

globalisasi, bukanlah satu perkara yang mudah, tetapi jangan kita lihat ia

sebagai mustahil.

Maafkan saya Pak Lah, saya terpaksa menyatakan bahawa generasi kita, orang Melayu, hari ini tidak memiliki keperibadian yang utuh dan ampuh. Bahkan kita miskin pemimpin yang mampu membimbing masyarakat ke arah kemuliaan dan kebaikan. Ia amat pahit, tetapi yang pahit inilah terpaksa

ditelan.

Bukan tidak ada Melayu yang berperibadi terpuji, tetapi mereka tidak berada dalam arus perdana kepemimpinan atau disekat laluan atau ramai juga Melayu yang seperti ini, meminggir atau terpinggir dari arus politik

negara. Belalah nasib mereka, bawalah mereka bersama untuk memikul tanggungjawab demi memajukan bangsa dan negara tercinta ini.

Pak Lah sendiri tentu lebih arif bahawa pembangunan generasi yang diasaskan di atas kekuatan ilmu, akhlak, iman dan taqwa akan menjana seluruh keupayaan dan kecemerlangan yang tinggi. Rugilah kita jika negara

kita maju tapi rakyatnya dan kepemimpinannya lemah daya tahan, rapuh kerohanian serta hilang panduan hidup seperti dalam masyarakat Barat.

Kerana itu kalau boleh, Pak Lah tengok-tengoklah lima perkara yang jadi

harapan rakyat iaitu pertama ialah perpaduan orang Melayu; kedua, menyuburkan semula identiti dan jati diri kemelayuan; ketiga, menangani rasuah; keempat, memperbetul Umno yang telah mula tergelincir dan kelima kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

Saya yakin keperibadian yang Pak Lah miliki adalah kekuatan untuk mengukuhkan perpaduan Melayu. Orang Melayu terasing dan berpecah kerana ada yang memilih untuk berada dalam Pas atau meminggirkan diri dari arus percaturan politik negara. Apa pun alasan mereka berbuat demikian, orang Melayu yang hanya 55 peratus daripada rakyat Malaysia ini, perlu bersatu kembali.

Mungkin kita lupakan saja mereka yang taksab, tetapi yang lain kita ajak

bersama. Kita tak perlu hentam mereka, kita tunjukkan mereka cara dan kebaikannya. Kalau tidak boleh juga, maka mereka sendirilah yang jumud pemikirannya dan celaru pertimbangannya.

Soal rasuah, saya percaya Pak Lah lebih tahu gejala ini. Pak Lah sendiri

berulang kali sebut mengenai rasuah dalam kerajaan dan Pak Lah juga pernah

jadi mangsa rasuah politik dan politik wang. Saya doakan Pak Lah diberikan

kekuatan oleh Allah untuk meneruskan perjuangan membanteras masalah ini.

Maafkan saya Pak Lah, kalau nadanya keterlaluan dan bahasanya bercampur

baur dengan kekasaran. Tapi itulah hasrat dan itulah harapan, yang Pak Lah

sendiri pernah bayangkan dan lafazkan menerusi bait-bait dalam sajak "Ku Cari Damai Abadi". Sebagaimana kudusnya niat, impian, hasrat dan cita-cita

Pak Lah ketika menukil dan mengalunkan nadanya, begitulah berbunganya harapan rakyat.

Selamat berjuang. Wassalam.